

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang 1986/1987

CSD402 - Sistem Maklumat Lanjutan

Tarikh: 26 Jun 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.  
(3 Jam)

---

Terdapat empat (4) soalan. Jawab mana-mana tiga (3) soalan.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan suatu sistem Maklumat Pengurusan (MIS)? Ia itu, terangkan skop dan tujuannya.

(15/100)

- (b) "Hubungan synergistik urusan-urusan di sesuatu organisasi boleh dioptimumkan melalui pendekatan sistem yang keseluruhan dan sofistikated". Bincangkan.

(25/100)

- (c) Bagi sesuatu Syarikat Pengeluaran, nyatakan objektif-objektif utama bagi sistem-sistem berikut dan nyatakan bagaimana suatu MIS dapat membantu dengan membekalkan maklumat untuk proses membuat keputusan.

(i) Pembelian

(ii) Pengurusan Inventori

(iii) Analisa Penjualan

(40/100)

- (d) Mengenalkan suatu MIS kepada sesuatu organisasi bukanlah suatu perkara mudah. Sering terdapat penentangan dari kaum pengguna. Bincangkan sebab-sebabnya.

(20/100)

2. (a) Apakah harus menjadi objektif-objektif jangka masa panjang untuk sesuatu Sistem Maklumat bagi sesuatu organisasi?

(15/100)

- (b) Berikan penerangan ringkas mengenai setiap yang berikut (berkaitan dengan suatu Kajian Perancangan Sistem Maklumat (ISP)).

- (i) Proses Urusan
- (ii) Analisa Sokongan Sistem Masakini
- (iii) Perspektif Eksekutif
- (iv) Senibina Maklumat

(35/100)

- (c) Sekiranya anda perlu melakukan suatu kajian ISP bagi sesuatu organisasi, terangkan pendekatan dan metodologi anda; iaitu nyatakan langkah-langkah utama yang harus dilakukan dalam kajian itu.

(30/100)

- (d) Suatu syarikat pengeluaran bahan-bahan elektronik kian berkembang dan penggunaan maklumat di seluruh organisasi juga semakin rumit dan kompleks. Satu cadangan ialah untuk meningkatkan pengurusan data dari kawalan di Pusat Elektronik Datanya ke tahap Pengurusan Sumber Maklumat (Information Resource Management - IRM). Bincangkan kepentingannya IRM ini.

(20/100)

3. (a) Apakah yang dikajikan dalam suatu Kajian Muatan di sesuatu Pusat Komputer? Iaitu, nyatakan soalan-soalan berbangkit mengenai pengurusan sumber-sumber komputer yang perlu didapatkan jawapan, dan juga kepentingan jawapan-jawapannya bagi perancangan di pusat tersebut.

(30/100)

- (b) Terangkan sebab-sebab di sebalik setiap kenyataan berikut mengenai penggunaan sumber-sumber hadwer komputer:

- (i) Suatu sistem komputer tidak mungkin dapat mencapai faktor guna 100%.
- (ii) Apabila guna saluran mencapai tahap 35%, masa sambutan di terminal akan merosot.
- (iii) Kemerostan input/output di cakera boleh di atasi dengan mengelakkan kelompokan data di sesuatu tempat di cakera (atau pun dengan meletakkan data di merata tempat) dan dengan mengadakan banyak lagi unit-unit kawalan.

(35/100)

- (c) Bincangkan baik-buruk bagi isu-isu berikut:

- (i) membeli sistem komputer berbanding dengan menyewanya
- (ii) memusatkan kemudahan-kemudahan komputer berbanding dengan menyelerakkan mereka.

(35/100)

4. (a) Dalam konteks Sistem Perolehan Maklumat, apakah yang dimaksudkan dengan perkara-perkara berikut?

- (i) Kaedah pengindeksan manual berbanding dengan kaedah automatik
- (ii) Kataperbendaharaan tetap berbanding dengan kataperbendaharaan bebas
- (iii) Lepas-Koordinasi berbanding dengan Pra-Koordinasi.

(25/100)

- (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan 'pemberat' dalam sistem perolehan maklumat?
- (ii) Berikan teknik-teknik utama dalam penentuan pemberat.
- (iii) Andaikan:

$w_i$  = pemberat sebutan  $i$

$f_{ij}$  = frekuensi sebutan  $i$  bagi dokumen  $j$

$k_j$  = bilangan token/perkataan berlari dalam dokumen  $j$

$t_j$  = bilangan jenis perkataan unik dalam dokumen  $j$

$p_i$  = bilangan rujukan/dokumen yang mengandungi sebutan  $i$

$F_i$  =  $\sum_{j=1}^N f_{ij}$  (di mana  $N$  ialah jumlah dokumen)

$P$  =  $\sum_{i=1}^M p_i$  (di mana  $M$  ialah jumlah sebutan)

Apakah implikasi sekiranya pemberat dihitung melalui rumusan-rumusan berikut?

- (1)  $w_i = f_{ij}/k_j$
- (2)  $w_i = \log f_{ij}$
- (3)  $w_i = 1/t_j - p_i/P$
- (4)  $w_i = f_{ij}/p_i$

(45/100)

- (c) "Negara yang membangun seperti Malaysia, di mana ramai penduduknya masih lagi di desa, tidak harus menekankan penggunaan komputer yang mahal dan sofistikated". Bincangkan.

(30/100)